

Berita Harian - GECcommunity Tarik Perhatian Global

🕒 Khamis, Dis 14 2017



GECcommunity tarik perhatian global

Kehadiran lebih 15,000 peserta dari 89 negara membuktikan Sidang Kemuncak GECcommunity (GECcommunity) bukan sekadar mendapat perhatian ASEAN tetapi juga negara global.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Seregar Abdullah, berkata jumlah kehadiran peserta adalah di luar jangkaan? memandangkan persidangan itu baru memasuki tahun kedua.

"Pada persidangan ini, kita membincangkan mengenai aliran perniagaan masa depan, bagaimana untuk menjadi 'trend setter' (pencetus perubahan) dan mengenal pasti permintaan golongan muda.

"Kita mahu lahir lebih ramai usahawan yang mampu menjadi 'trend setter', 'game changers' dan mampu mencipta sesuatu untuk masa depan.

"Kita mahu lahir lebih ramai pencipta seperti Mark Zuckerberg," katanya pada ucapan penutup persidangan itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, semalam.

Platform kepada usahawan muda

GECcommunity anjuran Kementerian Kewangan menjadi platform kepada golongan usahawan muda menampikan kemampuan mereka.

Mohd Irwan berkata, terdapat 100 makmal pada GECcommunity antaranya makmal untuk produk halal, teknologi makanan dan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Berdasarkan lawatannya ke beberapa makmal, beliau mendapati ia diusahakan oleh usahawan berusia bawah 40 tahun dan ia adalah sesuatu yang membanggakan.

Pada majlis penutup itu turut berlangsung penyampaian hadiah anugerah ColossusNNO 2017 iaitu satu program yang mengiktiraf inovasi dalam melaksanakan penyelesaian yang dihadapi dalam dunia sebenar seperti masalah kemiskinan, pendidikan, alam sekitar, kesihatan dan sebagainya.

Program ini memerlukan usahawan membangunkan idea untuk menghasilkan satu inovasi yang dapat memberi impak pada masyarakat.

Anugerah itu dinenangi syarikat Blusense Diagnostic APS dari Denmark yang mencipta alat pencegah denggi. Kemenangan itu membolehkan syarikat berkenaan memenangi hadiah bernilai AS\$100,000.

Mohd Irwan Seregar (dua dari kanan) menyampaikan anugerah Global Winner of ColossusNNO2017 kepada Filippo Bosco pada majlis penutup Sidang Kemuncak GECcommunity 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**